



JABATAN TENAGA MANUSIA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

PEKELILING JABATAN TENAGA MANUSIA BILANGAN 1 TAHUN 2013

PINDAAN LOGO DAN PEMAKAIAN BENDERA JTM

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberi makluman mengenai pindaan logo, penggunaan logo dan pemakaian bendera Jabatan Tenaga Manusia.

LATAR BELAKANG

2. Logo merupakan lambang penjenamaan bagi Jabatan Tenaga Manusia (JTM). Pindaan logo baru adalah bagi menggantikan logo sekarang yang telah berkuatkuasa sejak 10 tahun yang lalu.
3. Keperluan mempamerkan bendera JTM semakin tidak diperhatikan oleh sesetengah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Malah jika ada bentuk dan reka bentuk bendera didapati tidak seragam dari segi warna, reka bentuk dan saiz.

PINDAAN LOGO

4. Pindaan logo telah diputuskan untuk pindaan didalam Mesyuarat Pengurusan JTM pada 26 Julai 2013.
5. Tujuan pindaan dibuat ialah untuk menambah baik reka bentuk logo agar kelihatan lebih kemas tanpa mengubah maksud dan warna logo. Pindaan ini dibuat berdasarkan penelitian pemakaian logo yang agak tidak rapi bila dicetak pada baju korporat, baju sukan, jaket oleh JTM dan ILJTM.
6. Logo baru adalah seperti di **Lampiran A**. Pemakaian warna logo hendaklah diseragamkan seperti gambarajah lampiran.
7. Penggunaan dan pemakaian logo baru ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2014**. Sehubungan dengan itu semua ILJTM adalah dikehendaki meminda dan mengubah pemakaian logo ini secara beransur-ansur tanpa melibatkan kos tambahan.

BENDERA JTM

8. Setiap ILJTM hendaklah menggantung bendera JTM di tiang bendera utama bersama bendera Malaysia dan bendera Negeri. Setiap ILJTM hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 3 tiang bendera utama di hadapan kawasan bangunan ILJTM. Susun atur protokol bendera ialah; tengah - bendera Malaysia, kanan . bendera Negeri, kiri . bendera JTM.
9. Bendera utama (bendera Malaysia, negeri dan JTM) hendaklah ditukar ganti setiap dua bulan sekali. Oleh kerana bendera merupakan lambang kedaulatan dan imej ILJTM maka semua ILJTM hendaklah mempastikan bendera utama sentiasa dalam keadaan cantik, bersih dan tidak koyak semasa digantung ditiang bendera utama.

LARANGAN

10. JTM/ILJTM atau warga kerjanya dilarang sama sekali mengubahsuai reka bentuk logo, meminda warna selain dari warna rasmi logo dan juga mengubahsuai reka bentuk bendera, meminda warna selain dari warna rasmi bendera untuk sebarang tujuan percetakan, pemameran.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATO' HJ. ROMLI BIN HJ. HASSAN
Ketua Pengarah,
Jabatan Tenaga Manusia

27 November 2013